

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HSK 203 –Teori dan Kaedah Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja dengan sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap bahagian. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A

1. Sejauh manakah anda setuju dengan pandangan F.J. Teggart bahawa kajian sejarah seharusnya tertumpu hanya kepada peristiwa-peristiwa yang memberi kesan besar kepada kelompok yang besar seperti nusa dan bangsa sahaja?
2. “Hanya tindakan-tindakan yang dilakukan dengan penuh kesedaran dan yang mempunyai pilihan-pilihan lain sahaja diadili dalam sejarah. Tindakan-tindakan yang dilakukan dalam keadaan terdesak seharusnya dikecualikan dari pengadilan moral.” (Adrian Oldfield). Sejauh manakah anda setuju dengan dakwaan ini ?
3. Dengan merujuk kepada pandangan E.H. Carr dan Arthur Marwick bincangkan secara kritis bagaimana ahli sejarah menentukan sama ada sesuatu benda itu fakta sejarah atau tidak.

Bahagian B

4. “Antara kritikan yang dilemparkan terhadap Tacitus ialah bahawa pengertian sejarah beliau adalah sempit. Masyarakat, sumber-sumber dan pentadbiran Empayar Rom telah dibaikannya secara menyeluruh. Perhatian Tacitus, selain daripada keterangan sekali-sekala tentang kempen militar, telah berfokus bulat-bulatnya kepada maharaja, istana, komplot-komplot di situ dan kelas bangsawan, iaitu kelasnya sendiri.”
(L.W. Laistner). Bincangkan.
5. Walaupun aliran Marxist berjaya mengemukakan satu pendekatan sejarah yang lebih mantap tidak dapat dinafikan bahawa kaedah yang dianjurkannya masih memperlihatkan kelemahan-kelemahan tersendiri. Bincangkan.
6. Bincangkan secara kritis faktor-faktor yang telah mendorong kemunculan aliran *Annales* dan nilaikan sejauh manakah aliran ini berjaya memantapkan kajian sejarah.